

12 AUG 2003

Pemuda-Jawatankuasa

J/KUASA PEMUDA BN DIBENTUK UNTUK SETIAP KAWASAN PARLIMEN

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Jawatankuasa Pemuda Barisan Nasional (BN) akan diwujudkan di setiap kawasan Parlimen sebagai persediaan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pengerusi Pemuda BN Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir berkata Pemuda BN pusat yang bermesyuarat hari ini meminta semua Ketua Pemuda BN negeri menyerahkan senarai nama jawatankuasa berkenaan dalam tempoh dua minggu.

"Ketua Pemuda BN negeri akan menyerahkan (senarai itu) kepada pengerusi Pemuda BN untuk 194 kawasan Parlimen (sedia ada) untuk diluluskan," kata Abdul Aziz selepas mempengerusikan mesyuarat Pemuda BN di Menara Dato' Onn di sini, hari ini.

Beliau berkata struktur jawatankuasa itu akan mempunyai pengerusi, naib-naib pengerusi (terdiri daripada wakil setiap parti komponen), setiausaha dan bendahari (dilantik oleh pengerusi) serta dua wakil bagi setiap parti komponen di sesebuah kawasan Parlimen.

Bagi Jawatankuasa Pemuda BN untuk 25 kerusi Parlimen baru berikutan persempadanan semula kawasan pilihan raya, ia akan diwujudkan kemudian.

"Kita (BN) percaya kepentingan penubuhan jawatankuasa ini pada asasnya ialah ia akan membuatkan kita lebih rapat, lebih mengenali satu sama lain dan melalui satu institusi formal sebegini, kita akan bergerak bersama dengan lebih teratur.

"Sekarang ini walaupun kita faham kita komponen BN tapi gerakan biasanya lebih berasingan, Pemuda Umno dengan Umnonya, Pemuda MCA dengan MCA, (Pemuda) Gerakan dengan Gerakan," katanya.

Abdul Aziz juga berkata menjelang pilihan raya umum akan datang, seluruh jentera Pemuda BN akan dikumpulkan untuk mengikuti latihan persiapan pilihan raya dengan fokus latihan kepada pengukuhan perpaduan dan kaedah menggerakkan jentera menjelang dan sepanjang menghadapi pilihan raya.

Beliau berkata latihan itu akan diadakan serentak mulai akhir September di setiap kawasan Parlimen.

-- BERNAMA

HS MFJ RON

12 AUG 2003

Dewan-Pahang (Kesihatan)

HOSPITAL LIPIS TERIMA DUA PAKAR PEUBATAN SEBELUM PENGHUJUNG TAHUN

KUANTAN, 12 Ogos (Bernama) -- Jabatan Kesihatan Negeri Pahang bercadang menghantar dua orang pegawai perubatan pakar kontrak dalam bidang pembedahan ke Hospital Lipis sebelum penghujung tahun ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Belia dan Sukan Datuk Dr Ahmad Shukri Ismail berkata setakat ini hospital itu hanya menerima lawatan pakar perubatan seminggu sekali yang diadakan secara temujanji.

"Perkhidmatan pakar hanya disediakan menerusi lawatan pakar perubatan dari Hospital Tengku Ampuan Afzan dan Hospital Mentakab," katanya pada persidangan Dewan Undangan Negeri di sini hari ini.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan Fong Koong Fuee (BN-Ceka) berkaitan usaha kerajaan untuk menangani masalah ramai pesakit di Hospital Lipis yang terpaksa menunggu giliran dan membuat temujanji untuk

berjumpa dengan pakar perubatan.

"Pihak jabatan sedang berusaha untuk menghantar pakar perubatan itu ssekurang-kurangnya pada bulan Ogos atau September tahun ini," katanya.

Kepada soalan tambahan Fong mengenai kekosongan jawatan yang perlu diisi dan yang masih belum diisi di Jabatan Kesihatan, beliau berkata hanya 151 daripada jumlah 239 jawatan sahaja yang mampu diisi oleh jabatan itu.

Bagaimanapun katanya jabatan Kesihatan Negeri Pahang sentiasa berusaha untuk menambah bilangan anggota paramedik di semua hospital seluruh negeri ini bagi membolehkan pesakit mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

Sementara itu, Jabatan Bekalan Air Pahang diperuntukkan sejumlah RM80 juta mengikut Rancangan Malaysia Kelapan untuk melaksanakan Program Mengurangkan Kadar Kehilangan Air tidak Berhasil (NRW) dengan melibatkan penggantian hampir 500 kilometer paip simen asbestos yang mempunyai tahap kebocoran yang tinggi di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Pengangkutan dan Hal Ehwal Orang Asli Datuk Omar Othman berkata sejumlah RM100 juta juga telah diperuntukkan dalam membaikpulih dan menaiktaraf paip-paip air di seluruh negeri ini.

"Kerja-kerja penggantian paip simen asbestos yang giat dilaksanakan terutama di kawasan-kawasan yang mempunyai tahap NRW yang tinggi sekitar 43 peratus pastinya akan menambahbaik bekalan air selain meningkatkan kadar tekanan serta menangani masalah kebocoran paip," katanya menjawab soalan Mohd Soffi Abdul Razak (BN-Benta).

-- BERNAMA

LIB ROS

12/08/2003 18-06ST

bah bns

Moggie-Kandungan/I

SEMUA RANGKAIAN TELEVISYEN PERLU TINGKATKAN KANDUNGAN TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Semua pengusaha rangkaian televisyen di negara ini perlu mempunyai strategi dan program yang ditakrif dengan baik untuk berjaya dalam membangunkan kandungan industri hiburan tempatan.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie berkata, mereka harus dapat membangunkan kandungan tempatan dan menggalakkan bakat-bakat tempatan yang memenuhi keperluan dan citarasa penonton.

Beliau berkata, adalah penting rangkaian televisyen biasa atau berbayar memastikan terdapat kandungan tempatan yang memadai dalam aturcara rancangan mereka.

"Kandungan tempatan yang mantap boleh terus menggalakkan nilai-nilai sosial, budaya dan moral kita..., permintaan bagi kandungan tempatan akan terus berkembang," katanya semasa merasmikan pelancaran media dan perdagangan jenama identiti saluran televisyen baru Channel 9 dan portal webnya di sini, hari ini.

Beliau menambah kata, satu dimensi luas maklumat dalam bidang seperti sains dan teknologi, bahasa, kesusasteraan, ekonomi, budaya, kesihatan, pendidikan dan sukan masih belum diteroka atau diteroka sepenuhnya oleh industri penyiaran.

-- LAGI

NER MAW AHH

Moggie-Kandungan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Moggie berkata, sudah tiba masa bagi stesen siaran di negara ini untuk memberi tumpuan yang lebih pada kandungan "edutainment" dalam mengimbangi hiburan dan pendidikan.

"Kerajaan yakin bahawa perkhidmatan televisyen biasa akan terus kekal sebagai sumber penting hiburan dan juga sebagai medium penyampaian maklumat," kata beliau lagi.

"Kami yakin Channel 9 akan dapat menawarkan hiburan gaya hidup dan maklumat yang pintar, inovatif dan juga menampilkan darjah tinggi interaktiviti tanpa berkompromi dalam melindungi generasi baru kita.

"Kami juga berharap Channel 9 tidak akan mengabaikan objektif asalnya untuk menjalin hubungan lebih akrab di kalangan penduduk negara ini bersama jiran kita Thailand dan Indonesia," katanya.

Moggie juga menyambut baik trend semasa iaitu agensi-agensi penyiaran mengambil usaha untuk mengembangkan perkhidmatan mereka secara online menerusi penubuhan laman web dan portal.

Mengenai portal web stesen itu, katanya, ia harus memainkan peranan sebagai forum interaktif bagi orang ramai berbincang dan bertukar pandangan dan juga stesen televisyen biasa yang membolehkan penonton memuat turun intipati program televisyen melalui Internet yang secara tidak langsung akan menyumbangkan ke arah menggalakkan ICT di kalangan penduduk.

Channel 9, stesen televisyen swasta ketiga selepas TV3 dan NTV7, akan memulakan siaran di pantai barat Semenanjung pada 9 Sept.

-- BERNAMA

NER MAW AHH PR

12/08/2003 18-19ST

aab bns

Muhyiddin-VCD

KAWALAN HARGA HANYA CD DAN VCD DULU, KATA MUHYIDDIN

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Kawalan harga ke atas cakera padat (CD), cakera padat video (VCD), cakera padat digital (DVD) dan perisian komputer akan dilaksanakan oleh kerajaan secara berperingkat dengan peringkat awal akan hanya membabitkan CD dan VCD sahaja.

"Mungkin buat seketika ini kawalan harga bagi software (perisian) dan DVD kita belum lagi nak kuatkuasakan," kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwah Pengguna Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Dunia Permajalahan Melayu 2003 di sini hari ini semasa diminta mengulas perkembangan terkini tentang penetapan harga siling bagi produk-produk tersebut.

Menurutnya harga siling produk-produk tersebut sehingga kini masih belum diputuskan memandangkan kementerianya perlu membuat perbandingan antara harga yang dicadangkan oleh pihak jawatankuasa dengan pihak industri.

"Saya sudah beritahu KSU (Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Sulaiman Mahbob) yang pengerusikan jawatankuasa itu, sebelum akhir bulan ini dia kena hantar dan kita nak buat keputusan," katanya.

-- LAGI

Muhyiddin-Harga 2 Kuala Lumpur

"Saya tahu semua rakyat menunggu bila masanya, jadi kita nak perkara itu disegerakan. Tapi kita akan lapor kepada Jemaah Menteri dulu sebab ini keputusan Jemaah Menteri," katanya.

Diminta mengulas kenyataan Persatuan Industri Muzik Malaysia (RIM) yang mendakwa bahawa kualiti produk akan turun jika harga diturunkan, Muhyiddin berkata isu kualiti produk tidak seharusnya dikompromi dalam perkara ini.

"Saya kecewa dengan kenyataan RIM kerana ia nampak seolah nak kompromi dengan kualiti kerana nak turunkan harga. Kalau dia buat macam tu lagi

orang beli cetak rompak," katanya.

Beliau turut menyuarakan rasa kesal dengan RIM yang sering mengeluarkan kenyataan yang seolah-olah mempertikaikan keputusan kerajaan untuk mengawal harga produk-produk berkenaan.

"Saya dah baca banyak kenyataan Darren Choy (presiden RIM) yang macam mempertikaikan usaha kerajaan dan dia kata ini satu langkah yang tidak tepat, satu perkara yang tidak menguntungkan yang boleh membunuh industri.

-- LAGI

Muhyiddin-Harga 3 (Akhir) Kuala Lumpur

"Yang kita kawal dulupun tidak ada seorang pun mati, kita kawal harga beras, tepung, gula, minyak, besi, simen, satu pun tak ada daripada industri yang terlibat kata saya terpaksa tutup perniagaan kerana kerajaan kawal harga," katanya.

Muhyiddin seterusnya mengingatkan pihak industri terbabit agar memastikan bahawa maklumat yang dihantar berhubung kos sebenar terlibat dalam pengeluaran produk-produk itu adalah tepat dan menurutnya jika mereka membekalkan maklumat yang tidak betul, ia merupakan satu kesalahan mengikut Akta Kawalan Harga 1946.

Menurutnya kerajaan mengambil keputusan untuk mengawal harga CD, VCD, DVD dan perisian komputer setelah pihak industri berkenaan gagal mencapai keputusan untuk menurunkan harga yang sebenarnya bertujuan membendung kegiatan cetak rompak di negara ini.

Pada 3 Julai lepas kerajaan memberi tempoh dua minggu kepada pihak industri terbabit bagi mengemukakan mekanisme untuk mengurangkan harga produk-produk berkenaan, namun ia tidak membuahkan sebarang hasil sehingga kini.

-- BERNAMA

NM AMB AHH AZH

12/08/2003 18-21ST
aab

Bernama-Pertukaran/I/Embargo (0001jam/13 Ogos)
BERNAMA, APS METERAI PERJANJIAN PERTUKARAN BERITA
Daripada Mokhtar Hussain
(EMBARGO: Untuk siaran selepas tengah malam ini)

ALGIERS, 12 Ogos (Bernama) -- Bernama dan agensi berita Algeria, Algerie Presse Service (APS), hari ini memeterai perjanjian pertukaran berita bagi memudahkan pengaliran maklumat antara kedua-dua negara dalam usaha merapatkan lagi hubungan dua hala.

Memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani dengan APS itu merupakan perjanjian pertukaran berita kesembilan yang dimeterai Bernama dengan negara Islam dari Asia Barat dan Afrika Utara.

Upacara menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatan beliau, Ahmed Ouyahia.

Bernama diwakili Pengurus Besarnya, Datuk Syed Jamil Jaafar, manakala APS oleh Ketua Pengarahnya, Nacer Mehal.

Pemeteraian perjanjian itu adalah sebahagian daripada usaha ke arah merealisasikan penubuhan Gerbang Maklumat Selatan-Selatan (SSIG) yang diilhamkan oleh Dr Mahathir pada Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 1999.

-- LAGI

Bernama-Pertukaran 2 Algiers (Embargo)

Berucap pada majlis jamuan negara malam tadi, Dr Mahathir berkata perjanjian itu akan membantu meningkatkan lagi persefahaman antara rakyat

kedua-dua negara dan seterusnya akan mengeratkan lagi hubungan antara Malaysia dan Algeria.

Mengikuti kenyataan Bernama di sini, pemeteraian MoU itu merintis jalan ke arah terjalinnya kerjasama dan pertukaran berita serta gambar antara kedua-dua agensi berita itu secara harian. Ia juga membuka ruang bagi kerjasama dan pertukaran wartawan antara kedua-dua pihak.

Menurut kenyataan itu lagi, pemeteraian MoU itu juga merupakan satu daripada usaha Bernama untuk membina "jambatan" atau saluran komunikasi dengan semua negara.

Ini dilakukan dengan kesedaran bahawa semua bentuk kerjasama perlu dirintis dengan pertukaran maklumat secara aktif.

APS ditubuhkan pada 1 Dis 1961 ketika Algeria dilanda peperangan untuk menuntut kemerdekaan.

-- LAGI

Bernama-Pertukaran 3 Algiers (Embargo)

Agensi berita itu membuka pejabat pengarangnya yang menggunakan sistem berkomputer pada Januari 1994 sebelum mengadakan siaran melalui satelit empat tahun kemudian. APS menyediakan perkhidmatan dalam tiga bahasa iaitu Arab, Perancis dan Inggeris.

Sementara itu, bagi memudahkan pertukaran berita dan maklumat dengan negara-negara yang menggunakan bahasa Arab, Bernama melancarkan perkhidmatan bahasa itu pada Oktober tahun lepas.

Perkhidmatan ini menyiarkan lapan hingga 10 berita ke 17 negara yang menggunakan bahasa Arab setiap hari. Rencana dan berita yang disiarkan ialah seperti mengenai dinar emas Islam, insurans dan perbankan Islam di Malaysia, pelancongan, politik, pembangunan ekonomi Malaysia yang menggunakan cara Islam serta pelbagai topik lain yang menarik.

Berita dan maklumat ini juga disiarkan melalui laman web www.bernama.com/arabic

Berdasarkan maklum balas yang diterima, kebanyakan rencana dan berita yang dikeluarkan oleh Bernama digunakan oleh media di negara berkenaan.

-- LAGI

Bernama-Pertukaran 4 (Akhir) Algiers (Embargo)

Negara Teluk khususnya, menggunakan sebahagian besar berita dan rencana mengenai perniagaan dan kegiatan ekonomi di Malaysia.

Bernama dijangka turut menandatangani perjanjian serupa dengan Agensi Berita Syria (SANA) sempena kunjungan Dr Mahathir ke negara itu minggu depan.

Setakat ini, Bernama telah menandatangani MoU dengan agensi berita dari Qatar (QNA), Yemen (SABA), UAE (WAM), Maghribi (MAP), Tunisia (TAP), Iran (IRNA), Mesir (MENA) dan Turki (Anadolu).

Bernama juga dijangka memeterai perjanjian yang serupa dengan agensi berita Saudi (SPA), Oman (ONA) dan Libya (JANA) tidak lama lagi.

Menurut kenyataan itu lagi, Bernama sedang berunding dengan agensi berita Jordan (Petra), Palestin (WAFA) dan Afghanistan untuk mengadakan kerjasama yang serupa.

-- BERNAMA

MOK MFJ SP RON

12/08/2003 18-22ST
aab bns

Sukan-Merdeka/I

TIGA RATU PASUKAN LYDIA INGIN CABAR KEHEBATAN PEMANDU LELAKI

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Tiga pemandu wanita mewakili pasukan Lydia Racing berazam untuk mengukir nama dalam sejarah perlumbaan Merdeka Millennium Endurance 2003 yang akan berlangsung selama 12 jam di Litar Sepang pada 30 Ogos ini.

Lydia Latib, Widiastuty Jonnaidy dan Azlah Ahmad Shaari, kesemuanya dalam usia awal 20-an, yakin dapat mencabar kebolehan pemandu lelaki pada perlumbaan itu berdasarkan kemampuan dan kereta mereka.

"Kami bukan saja ingin memberi saingan kepada para pemandu wanita dari pasukan Projet tetapi juga kepada pemandu lain, khususnya dalam kelas kami," kata Lydia dalam kenyataan yang dikeluarkan oleh penganjur perlumbaan, Sepang Circuit hari ini.

Lydia, Azlah dan Widiastuty akan berlumba menggunakan Proton Satria dalam Kelas C bagi kereta bawah 1600cc. Pemandu-pemandu Projet pula akan menggunakan Satria GTi dalam Kelas B untuk kereta antara 1601cc dan 1800cc.

"Kami amat menghormati Projet Women In Motorsports Team serta usaha mereka. Sebagai peminat lumba kereta, kami ingin mengucapkan tahniah kepada mereka kerana menggalakkan lebih banyak wanita mengambil bahagian secara aktif dalam sukan bermotor. Kami harap lebih banyak wanita akan tampil ke hadapan untuk berlumba seperti kami," kata Lydia.

-- LAGI

Sukan-Merdeka 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Lydia, 21, yang merupakan ketua pasukan dan anak pemilik Lydia Racing, Latib Hamzah, berkata Projet mendapat liputan meluas dalam media cetak dan elektronik kerana ia membariskan selebriti Deana Yusoff, Maya Karin, Maznah Zulkifli dan Philippa Yoong.

"Tetapi, misi kami ialah untuk mengukir nama melalui perlumbaan," katanya.

Perlumbaan Merdeka Millennium Endurance 2003 akan berlangsung dari 10 pagi hingga 10 malam. Ujian kelayakan akan diadakan pada 3 petang 29 Ogos.

Pendaftaran untuk menyertai perlumbaan ini ditutup Sabtu ini. Setakat ini, 90 pasukan telah mendaftar untuk menyertainya.

-- BERNAMA

NKS AHH SP MAI

12/08/2003 18-23ST
bah bns

1,866 AKAN TERIMA IJAZAH SEMPENA KONVOKESYEN UPSI

IPOH, 12 Ogos (Bernama) -- Seramai 1,866 graduan akan menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen kelima Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang akan diadakan selama lima hari bermula Sabtu ini di Tanjung Malim.

Pegawai Perhubungan Awam UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman hari ini berkata, mereka akan menerima ijazah dalam 12 bidang pengkhususan iaitu Kesusasteraan Melayu, Bahasa Melayu, TESL, Sains Sukan Bimbingan dan Kaunseling.

Katanya, majlis yang akan diadakan dalam lima sesi itu akan disempurnakan oleh Canselor UPSI Raja Permaisuri Perak, Tuanku Bainun dan dua Pro Canselor, Datuk Dr Yahaya Ibrahim dan Profesor Emeritus Tan Sri Dr Awang Had Salleh.

Tahun ini, seorang akan menerima ijazah kedoktoran Falsafah (PhD) Sains Sukan, tiga orang menerima ijazah Sarjana Pendidikan (MEdu) bagi bidang Psikologi Pendidikan dan dua orang bagi Bahasa Melayu.

Sempena konvokesyen itu, UPSI akan menganugerahkan Ijazah Kehormat

Kedokteran Pendidikan Sains, Kesusasteraan dan Pendidikan kepada Datuk Dr Ariffin Suhaimi, Datuk Asiah Abu Samah dan Datuk A. Samad Said.

UPSI juga akan menganjurkan Pesta Konvokesyen sempena majlis konvokesyen itu selama lima hari bermula Khamis ini

-- BERNAMA
AR RHM

12/08/2003 18-25ST
bah bns

TIGA JENAYAH MENINGKAT DI TERENGGANU

KUALA TERENGGANU, 12 Ogos (Bernama) -- Jenayah pecah rumah, curi motosikal dan ragut beg tangan meningkat dengan ketara di Terengganu antara Januari dan Jun lepas berbanding tempoh tempoh yang sama tahun lepas.

Pemangku Ketua Polis Negeri SAC II Mior Husain Mior Lob Ahmad berkata, kes pecah rumah dan curi waktu malam pada umumnya menunjukkan pertambahan 30 peratus kepada 314 kes berbanding 214, kes curi meningkat sebanyak 41 peratus atau 190 kes kepada 653 kes, dan kes ragut beg naik kepada 166 berbanding 90 sebelumnya.

Siasatan polis menunjukkan kes-kes itu akibat kecuaiian orang ramai seperti tidak mengunci rumah atau motosikal dengan baik.

"Wanita pula perlu lebih berhati-hati ketika membawa beg tangan," katanya.

Mior Husain berkata walaupun polis sentiasa berusaha untuk membanteras kegiatan jenayah, tetapi orang ramai sendiri perlu mengambil langkah berjaga-jaga dalam membantu mengurangkan kadar jenayah.

-- BERNAMA
IB HIS MAI

12/08/2003 18-26ST
bah bns

BEKAS ADUN JOHOL, DATUK SAPIAH TALIB MENINGGAL DUNIA

KUALA PILAH, 12 Ogos (Bernama) -- Bekas Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan Johol, Datuk Sapiah Talib meninggal dunia di Hospital Putrajaya pada pukul 10 malam tadi.

Allahyarhamah berusia 76 tahun.

Menurut anaknya, Kamaruddin Kassim, allahyarhamah dimasukkan ke hospital itu dua hari lepas kerana mengadu sakit dada dan menurutnya allahyarhamah sebelum ini pernah mengidap beberapa penyakit termasuk paru-paru berair.

Beliau berkata ibunya baru pulang dari persidangan agung Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) di Kuching, Sarawak hari Ahad lepas dan menginap di rumah anak perempuannya di Bangi, Selangor.

Kamaruddin berkata jenazah ibunya sudah dibawa balik ke Kampung Ayer Mawang, Johol pada pukul 4 pagi tadi dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam Kampung Tangkoh Sikota, Johol, sebelum zohor.

Allahyarhamah meninggalkan enam anak lelaki dan lima perempuan, manakala suaminya, Kassim Pekat telah meninggal dunia 15 tahun lepas.

Allahyarham menjadi ADUN selama dua penggal iaitu dari 1964 hingga 1974 dan selepas bersara daripada politik, beliau bergerak aktif dalam badan sukarela. Allahyarhamah adalah pengerusi Perkim daerah Kuala Pilah dan juga pengerusi Pertubuhan Peladang Johol.

-- BERNAMA
AS RP AZH

12/08/2003 18-30ST

bah bns

Law-Macres

MACRES JADI STESEN BUMI UNTUK TERIMA DATA PELBAGAI GUNA

TEMERLOH, 12 Ogos (Bernama) -- Pusat Remote Sensing Negara (Macres) bernilai RM80 juta di sini akan menjadi satu daripada stesen bumi untuk menerima data pelbagai guna daripada satelit buatan pertama negara, Razaksat yang akan dilancarkan pada tahun 2005.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding berkata bagi menjayakan matlamat itu, peralatan yang kemudahan di Macres sedang dipertingkatkan untuk memastikan pengaliran data berjalan lancar.

Beliau berkata Macres juga berfungsi sebagai pengumpul pelbagai data untuk tujuan komersil, bantuan mencari dan menyelamatkan, cuaca dan penyelidikan.

"Memandangkan Macres di Temerloh akan menerima data daripada Razaksat maka perbincangan sedang diadakan dengan Bahagian Kajian Sains Angkasa (BAKSA) bagi meningkatkan kemudahan di sini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan kerja ke Macres, di sini hari ini.

Beliau berkata Macres akan beroperasi sepenuhnya pada September dan dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum tarikh persaraan beliau.

-- LAGI

Law-Macres 2 (Akhir) Temerloh

"Macres di sini telah beroperasi dan saya berpuas hati dengan pencapaiannya namun masih ada beberapa perkara yang perlu dibuat seperti landskap dan penambahan pegawai dan kakitangan," katanya.

Sementara itu, Law berkata kerajaan sedang meneliti dua perjanjian yang akan ditandatangani dengan pengendali satelit Spot dari Perancis dan Lan Sat dari Amerika Syarikat yang menawarkan satelit untuk tujuan komersil.

Beliau berkata perjanjian itu akan ditandatangani dalam tempoh dua bulan lagi dan tempahan data boleh dibuat mulai sekarang.

Sebelum ini katanya Malaysia telah menandatangani perjanjian dengan pengendali satelit dari Kanada iaitu Radar Sat bagi guna sama sistem satelit dengan bayaran langganan tertentu.

-- BERNAMA

LIB RHM

12/08/2003 18-37ST

bah bns

MTEN-Akauntan

PROGRAM KHAS DILANCAR TAMBAH AKAUNTAN PROFESIONAL BUMIPUTERA

PUTRAJAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Kerajaan telah melancarkan satu program khas bagi meningkatkan bilangan profesional Bumiputera dalam bidang perakaunan dalam usaha menangani masalah kekurangan akauntan profesional daripada golongan itu.

Pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamad ketika mengumumkan perkara ini berkata, melalui program ini, 360 akauntan profesional Bumiputera akan dilatih dalam tempoh lima tahun yang diselia Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama empat buah firma akauntan terkemuka iaitu PriceWaterhouseCoopers, Ernst & Young, Deloitte Kassim Chan dan KPMG.

Firma perakaunan itu akan berusaha mengambil sekurang-kurangnya 30

orang graduan akauntansi Bumiputera setiap tahun yang berpotensi untuk bekerja di firma mereka dan dilatih setiap syarikat selama tiga tahun, kata Mustapa kepada pemberita selepas menyerahkan surat pelantikan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada 89 pelatih iaitu kumpulan pertama yang menjalani program itu, di sini hari ini.

Menurut beliau dalam tempoh tiga tahun itu pelatih dikehendaki lulus peperiksaan profesional untuk menjadikannya akauntan profesional sementara firma berkenaan akan membayar yuran peperiksaan antara RM6,500 dan RM10,000 seorang serta gaji bulanan mereka.

Kerajaan, melalui JPA akan menyediakan elaun tambahan sebanyak RM500 sebulan selama tempoh kursus sebagai insentif galakan kepada pelatih, yang membabitkan peruntukan keseluruhan RM6.48 juta, kata Mustapa.

--LAGI

MTEN-Akauntan 2 Putrajaya

Sekiranya pelatih gagal dan meninggalkan program itu, mereka dikehendaki membayar balik elaun yang diberikan kerajaan," katanya.

Akauntan profesional adalah mereka yang mempunyai kelulusan akademik peringkat ijazah pertama disamping menjadi ahli salah satu badan perakaunan profesional di bawah Akta Akauntan 1967.

Badan profesional berkenaan antara lain ialah Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), Certified Public Accountant (Australia), dan Chartered Institute of Management Accountants (MICPA).

Mustapa berkata penyertaan profesional Bumiputera dalam bidang perakaunan terutamanya di firma perakaunan adalah kecil dibandingkan dengan kaum bukan Bumiputera.

Mengikut satu kajian Unit Perancang Ekonomi (UPE), penyertaan Bumiputera dalam bidang ini adalah sebanyak 15.9 peratus berbanding dengan bukan Bumiputera.

-- LAGI

MTEN-Akauntan 3 (Akhir) Putrajaya

Bagaimanapun, katanya mengikut sumber daripada Institut Akauntan Malaysia (IAM), angkanya jauh lebih rendah, daripada 14,190 akauntan yang berdaftar dengan institut itu pada 1 Julai lepas sebagai akauntan profesional, hanya 915 Bumiputera atau 6.5 peratus sahaja.

Bagi menangani masalah kekurangan yang serius ini, MTEN telah mengambil inisiatif sejak tahun lepas dengan mengadakan perbincangan dengan wakil daripada firma perakaunan utama, Persatuan Akauntan Malaysia, Akauntan Negara, UPE, Kementerian Pendidikan dan JPA, sehinggalah satu program khas dapat dibentuk dan dilancarkan hari ini.

Sementara itu, Presiden IAM Datuk Dr Abdul Samad Alias berkata, bilangan graduan dalam bidang perakaunan setiap tahun adalah ramai iaitu lebih 13,000 tetapi yang menjadi akauntan profesional terlalu kecil.

Katanya antara faktor yang menyebabkan kurangnya minat para lepasan ijazah itu mengambil peperiksaan kelayakan profesional ialah mudah mendapat pekerjaan tanpa perlu kelayakan profesional dan kurang mampu membayar yuran peperiksaan.

-- BERNAMA

RIZ BK

12/08/2003 18-38ST
aab bns

Abdullah-PBDS

ABDULLAH HARAP PBDS SELESAIKAN MASALAH SECARA PERBINCANGAN

KUCHING, 12 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berharap masalah dalaman Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dapat diselesaikan melalui perbincangan sesama sendiri demi kepentingan Barisan Nasional (BN).

"Kalau mereka merasa dapat selesaikan perkara itu dengan perbincangan sesama sendiri, itu lebih baik," kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching hari ini sebelum pulang ke Kuala Lumpur selepas lawatan sehari ke Sarawak.

Beliau diminta mengulas mengenai masalah dalaman PBDS yang kini mempunyai dua presiden iaitu Datuk Seri Daniel Tajem dan Datuk Seri Dr James Jemut Masing berikutan peletakan jawatan Datuk Amar Leo Moggie selaku presiden parti.

Jika tidak dapat diselesaikan, katanya, pihak yang terbabit boleh membawa perkara itu untuk dibincangkan dalam mesyuarat Dewan Tertinggi BN pada bulan depan.

Sebelum ini Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata, masalah dalaman PBDS akan menjadi antara perkara yang akan dibincangkan pada mesyuarat BN itu selain status Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) dan penarikan balik penggantungan dua anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dari MCA.

--LAGI

Abdullah-PBDS 2 (Akhir) Kuching

Masalah dalaman PBDS bermula apabila Moggie yang juga Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia menyatakan hasrat untuk tidak bertanding jawatan presiden pada tahun ini dan seterusnya diganti oleh Tajem yang juga Timbalan Presiden parti.

Tajem diisytiharkan sebagai presiden baru PBDS pada persidangan Perwakilan Tiga Tahun Sekali (PBDS) pada bulan lepas kerana tidak ada nama lain untuk jawatan presiden setelah pencalonan ditutup.

Bagaimanapun, satu kumpulan lain mengadakan mesyuaratnya sendiri di Bintulu dan memilih Dr Masing, yang juga bekas Ketua Penerangan, sebagai presiden parti.

Ketika ditemui oleh pemberita di lapangan terbang itu, Dr Masing berkata, pihaknya sedia menerima sebarang keputusan Pendaftaran Pertubuhan.

-- BERNAMA

RDY MAI

12/08/2003 18-39ST

aab bns

Samsudin-rasuah

BENTERAS RASUAH USAHA BERTERUSAN, KATA KSN

KUCHING, 12 Ogos (Bernama) -- Usaha membenteras masalah gejala rasuah akan berterusan selagi anggota perkhidmatan awam terdiri dari manusia, kata Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman hari ini.

"Kita lihat dari segi undang-undang dan tatacara serta prosedur, sekiranya ada kelemahan-kelemahan, kita akan berusaha untuk membetulkannya," katanya pada sidang media selepas menutup Konvensyen Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan (JKP) di sini.

Beliau berkata sekiranya terdapat sebarang kelemahan dalam aspek-aspek tersebut, ia mungkin akan memberi ruang dan galakan kepada anggota pejawat awam yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil kesempatan.

Menurutnya antara perkara-perkara baru yang dibincangkan pada konvensyen itu adalah soal untuk membentuk etika dan nilai yang sesuai, kerana tanpa nilai yang baik, perkhidmatan awam akan menghadapi masalah.

"JKP ini kita adakan setiap dua tahun untuk membincangkan balik apa yang telah dilaksanakan," katanya.

-- LAGI

Samsudin-rasuah 2 (Ahkir) Kuching

Beliau berkata kerajaan telah membentuk JKP di peringkat pusat, peringkat kementerian, jabatan dan negeri-negeri untuk memastikan usaha membenteras masalah rasuah berterusan dan berkesan.

"Banyak resolusi yang menjurus kepada komitmen yang mendalam untuk memantapkan integriti pejawat awam," katanya.

Samsudin berkata tidak ada peserta yang hadir dalam konvensyen kali ini yang membangkang pelbagai saranan yang dibuat dalam usaha menghapuskan rasuah sehingga ke peringkat akar umbi.

"Apa yang kita cita-citakan adalah sebuah perkhidmatan awam yang berintegriti, tapi dalam pada itu kita tetap menerima hakikat bahawa terdapat anggota-anggota pejawat awam yang tidak mengamalkan budaya yang mencerminkan integriti yang mantap," katanya.

Semalan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahamad Badawi berkata perangkaan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menunjukkan bahawa 1,342 pegawai dan orang awam ditangkap kerana pelbagai kesalahan jenayah rasuah antara tahun 1998 sehingga penghujung tahun 2003.

Kenyataan bahawa lebih separuh daripada jumlah ini adalah pegawai awam menyebabkan Abdullah mengesa supaya langkah lebih berkesan dan mantap diambil dengan serta-merta untuk menanganinya.

-- BERNAMA

FLL AZH

12/08/2003 18-44ST
bah bns

ANGGOTA POLIS HADIRI KURSUS BAHASA INGGERIS YANG PERTAMA DI IPK

IPOH, 12 Ogos (Bernama) -- Lima puluh anggota polis pelbagai pangkat menghadiri kursus bahasa Inggeris yang diadakan buat kali pertama di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini, bertujuan meningkatkan kemahiran setiap anggota dalam bahasa itu.

Kursus dua minggu yang bermula hari ini dianjurkan oleh IPK Perak dengan kerjasama akhbar New Straits Times dan diadakan selama tiga jam bagi setiap sesi.

Timbalan Ketua Polis Perak, SAC I Kamalul Azmi Darus yang ditemui pemberita selepas merasmikan kursus itu di Kompleks Latihan IPK di sini meminta anggota polis, termasuk pegawai supaya menggunakan bahasa Inggeris dalam pertuturan harian bagi meningkatkan penguasaan mereka dalam bahasa itu.

Kamalul berkata pendedahan kepada penggunaan bahasa Inggeris kepada anggota polis boleh meningkatkan bahasa itu terutama semasa berdepan dengan masyarakat dan pelancong.

Bagi memastikan penguasaan dalam bahasa itu, setiap Isnin, Khamis dan Sabtu diwajibkan setiap anggota menggunakan bahasa Inggeris terutama semasa menghadiri mesyuarat, kata beliau lagi.

-- BERNAMA

PBA ROS

12/08/2003 18-49ST
bah bns

Merdeka-Kembara

KONVOI KEMBARA MERDEKA TIBA DI MELAKA

MELAKA, 12 Ogos (Bernama) -- Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang yang memasuki hari kesembilan pengembaraan tiba di Melaka hari ini dan diberi sambutan meriah di Ayer Molek dekat sini.

Ketua Menteri Datuk Mohd Ali Rustam menyambut ketibaan konvoi 16 kenderaan pacuan empat roda yang disertai 46 peserta di Sekolah Kebangsaan Ayer Molek.

Ketibaan konvoi yang memulakan perjalanan dari Mersing, Johor melalui Pekan Nenas, Batu Pahat, Tangkak dan merentasi sempadan Melaka-Johor sejauh kira-kira 300 kilometer diiringi beca berhias dan motosikal klasik sebaik tiba pada pukul 4.30 petang ini.

Beberapa acara sambutan yang diadakan untuk para peserta konvoi termasuk nyanyian lagu patriotik, persembahan nazam dan pameran kemerdekaan.

Berucap pada majlis itu, Mohd Ali mahukan semua penduduk di negeri ini tanpa mengira perbezaan politik mengibarkan " Jalur Gemilang " sebagai tanda kecintaan kepada tanah air.

-- LAGI

Merdeka-Kembara 2 (Akhir) Melaka

"Tanpa paksaan, saya seru kibarkan bendera kebangsaan di mana jua di pelusuk negeri ini tanda kita bersyukur sempena menyambut ulang tahun ke-46 kemerdekaan daripada penjajah," katanya.

Konvoi itu akan mengakhiri perjalanan hari ini di bandar Melaka dan esok akan berlepas melalui Sungai Udang, Masjid Tanah, Kuala Linggi dan Port Dickson, Negeri Sembilan.

Program kembara itu dilancarkan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Putrajaya pada 4 Ogos dan kembara peringkat Semenanjung itu dijadualkan berakhir pada 19 Ogos ini.

-- BERNAMA
NO BK

12/08/2003 18-52ST
bah bns

Kebakaran-Setinggalan SEPULUH RUMAH SETINGGAN MUSNAH DALAM KEBAKARAN

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Sepuluh buah rumah musnah dalam satu kebakaran di perkampungan setinggalan di Kampung Kovil, Sentul di sini petang ini.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Wilayah Kuala Lumpur, Abu Obaidat Mohamad berkata empat buah jentera, masing-masing dua dari Balai Bomba Jalan Hang Tuah dan Menara Kota dengan 32 anggota dikejarkan ke tempat kejadian selepas menerima panggilan kira-kira 2.48 petang.

Katanya, pihak bomba berjaya mengawal kebakaran dalam masa 30 minit daripada merebak ke 18 buah lagi rumah di kawasan itu. Tiada kemalangan jiwa dilaporkan dalam kebakaran itu.

"Pihak kami terpaksa mengambil air di jalan besar lebih kurang 80 meter dari tempat kejadian untuk mendapatkan bekalan air walaupun ketika itu hujan lebat," katanya kepada pemberita di tempat kejadian.

Abu Obaidat berkata kerugian dianggarkan RM200,000 dan menurutnya punca kebakaran masih disiasat.

-- LAGI

Kebakaran-Setinggalan 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Kesemua mangsa ditempatkan sementara di Dewan Serbaguna Flet Pekeliling, Jalan Tun Razak dan Pusat Perkhidmatan Masyarakat Jaksa Pemandai di sini.

Setiausaha Perhubungan MIC Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Senator M. Saravanan menyampaikan sumbangan RM200 kepada setiap keluarga yang terlibat dalam kebakaran itu.

"Saya akan berbincang dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk mendapatkan rumah," katanya semasa melawat mangsa.

Seorang daripada mangsa N. Segaran, 45, berkata ketika kejadian itu beliau sedang menonton televisyen dan tiba-tiba jirannya menjerit mengatakan kelihatan asap dari atas bumbung rumahnya.

"Saya terus meluru masuk ke bilik dan mendapati bilik tidur utama sedang terbakar. Saya tidak sempat untuk menyelamatkan harta benda saya kerana api merebak dengan cepat," katanya.

Seorang pelajar A. Lalitha, 19, berkata dia dan keluarganya terus keluar menyelamatkan diri setelah ternampak api yang sedang marak.

-- BERNAMA

NKB SZM RAF RV RHM

12/08/2003 18-58ST

aab bns

TUDM-Terhempas UPDATE 3

PELATIH TUDM TERBUNUH PESAWAT TERHEMPAS DI KEBUN GETAH

JITRA, 12 Ogos (Bernama) -- Seorang juruterbang pelatih wanita Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) terbunuh apabila pesawat Pilatus PC7 yang dipandunya terhempas di sebuah kebun getah dekat Kampung Lembah Keriang di Sintok, dekat Jitra, hari ini.

Pegawai Perhubungan Awam TUDM Mejar Roslan Salam ketika dihubungi Bernama, berkata pelatih terbabit ialah Leftenan Muda Mai Elny Sefrina Jalaluddin, 23, dari Kolej Tentera Udara Alor Star, Kedah.

"Mai Elny merupakan pelajar yang mengambil bidang Kursus Asas Juruterbang di Pusat Latihan Terbang Satu (Pulatibang 1) di kolej itu sejak 2001," katanya.

Beliau berkata kedua-dua ibu bapanya berlepas dari pangkalan TUDM, Subang ke Alor Star pada 7 petang ini untuk melihat jenazah anak mereka.

Mai Elny yang berasal dari Kampung Beting, Kuala Pilah memandu secara solo pesawat pelatih itu apabila terhempas pada 12.20 tengah hari.

Jenazah mangsa dikeluarkan dari tempat kejadian lewat petang ini dan dihantar ke Hospital Alor Star untuk bedah siasat.

-- LAGI

MAN MRA AHH MOZ

aab bns

TUDM-Terhempas (UPDATE 3) 2 Jitra

PELATIH TUDM TERBUNUH - 2

Menurut Mejar Roslan, Mai Elny, 23, adalah juruterbang wanita TUDM yang pertama terbunuh semasa dalam perkhidmatan.

TUDM akan menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan bagi mengenal pasti punca kemalangan, katanya.

Sementara itu, kerja-kerja mengeluarkan mayat mangsa dan mengumpulkan serpihan pesawat dengan bantuan dua jengkorek selesai pada pukul 6.45 petang tadi.

Bangkai pesawat itu yang terbenam kira-kira lima meter bagaimanapun masih belum dikeluarkan.

Para pegawai TUDM, polis, Jabatan Penerbangan Awam serta anggota bomba

dan penyelamat terlibat dalam usaha itu.

-- LAGI

TUDM-Terhempas (UPDATE 3) 3 Jitra

Panglima TUDM, Jeneral Datuk Seri Abdullah Ahmad berada kira-kira sejam di tempat kejadian selepas tiba dengan sebuah helikopter TUDM pada kira-kira pukul 4 petang tadi.

Beberapa penduduk kampung yang menyaksikan kejadian itu berkata pesawat itu terbang rendah sebelum menjunam jatuh.

Seorang penoreh getah, Hassan Seman, 65, berkata pesawat itu melanggar dua batang pokok getah sebelum meletup.

TUDM menggunakan Pilatus PC7 buatan Switzerland sebagai pesawat pelatih sejak 1982 dan mengikut laporan pada 2000, 44 buah pesawat ditempatkan di Pulatibang 1.

Sepuluh pesawat jenis itu telah terhempas setakat ini. Kali terakhir pesawat itu terhempas ialah pada 2 Jan 2002 di perairan Pahang kira-kira 13 batu nautika dari Beserah tetapi tiada yang terkorban dalam kejadian itu.

Pesawat itu juga pernah digantung penerbangannya selepas sebuah daripadanya terhempas di sawah kampung Kepala Parit, Tokai, Pendang kira-kira 40km ke selatan sini pada 10 April 2001.

-- LAGI

TUDM-Terhempas (UPDATE 3) 4 (akhir) Jitra

Kejadian itu mengorbankan juruterbang pelatih TUDM, Lt Mohamad Faizal Ismail, 22.

Kementerian Pertahanan pada tahun 2000 dilaporkan telah menempah sembilan PC7 MK II Turbo Trainer bernilai RM133.25 juta bagi menggantikan PC7.

-- BERNAMA

MAN MNH SN MRA AHH MOZ

12/08/2003 20-11ST

12/08/2003 19-25ST

bah bns

Musa-Sekolah

KERAJAAN BN SABAH AKAN TERUS BANTU SEKOLAH ALIRAN CINA

KOTA KINABALU, 12 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Barisan Nasional negeri akan terus memberi sokongan moral dan bantuan dari segi kewangan kepada sekolah-sekolah aliran Cina, kata Ketua Menteri Datuk Musa Aman.

Beliau berkata semua sekolah menengah persendirian Cina di Sabah telah mendapat manfaat yang besar melalui dasar kerajaan ini.

Sekolah aliran Cina juga telah banyak membantu kerajaan melahirkan rakyat yang berkualiti, bermoral tinggi serta mempunyai semangat taat setia kepada pemimpin dan negara, katanya semasa merasmikan Pertandingan Catur Cina peringkat Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Sabah 2003 di sini hari ini.

Beliau berkata di Sabah, ramai di kalangan masyarakat Bumiputera menghantar anak mereka menuntut di sekolah aliran Cina dan ini secara tidak langsung mengasuh mereka dengan nilai-nilai integrasi dan harmoni sejak dari bangku sekolah lagi.

Pada majlis itu kerajaan negeri turut menyerahkan sejumlah 120 buah komputer kepada sembilan buah sekolah menengah persendirian Cina.

-- LAGI

Musa-Sekolah Cina 2 (Akhir) Kota Kinabalu

"Ini adalah satu daripada usaha kerajaan membantu sekolah-sekolah aliran Cina," katanya.

Mengenai pertandingan itu, Musa mencadangkan supaya pertandingan catur Cina diperluaskan kepada murid-murid sekolah di peringkat kebangsaan agar aktiviti pertandingan ini boleh dijadikan satu aktiviti di dalam Sabah Fest, satu daripada acara pelancongan di Sabah.

"Dengan itu kita bukan sahaja dapat mempromosikan pasaran pelancongan dalam negeri tetapi juga memupuk semangat integrasi di antara negeri-negeri di Malaysia," katanya.

Musa berkata permainan catur Cina mempunyai nilai yang tinggi kerana ia bukan sahaja menghiburkan tetapi mampu mendalamkan pemikiran seseorang dan melatih seseorang supaya bersabar, bertolak ansur dan mematuhi peraturan - nilai yang amat penting bagi kehidupan seharian sebuah masyarakat berbilang kaum.

"Memandangkan permainan catur Cina dapat memupuk nilai-nilai kehidupan yang begitu tinggi, saya mencadangkan permainan ini diperkenalkan di kalangan murid-murid kaum Bumiputera," katanya.

Oleh itu, kelab-kelab catur Cina perlu ditubuhkan di setiap sekolah untuk menggalakkan permainan ini di kalangan murid pelbagai kaum, kata beliau.

-- BERNAMA
MK RON

12/08/2003 19-29ST
bah bns

Mahkamah-Warganegara
PERLUCUTAN KEWARGANEGARAAN AHLI PERNIAGAAN DIISYTIHAR TIDAK SAH

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini mengisytiharkan bahawa perintah perlucutan kewarganegaraan Malaysia terhadap seorang ahli perniagaan yang berada di India lebih kurang sepuluh tahun adalah batal, tidak sah dan tiada efek.

Pesuruhjaya Kehakiman Mokhtaruddin Baki membuat keputusan itu dalam kamarnya setelah merekodkan perintah persetujuan di antara peguam M.Manoharan yang mewakili Sri Paranthaman a/l Ayarpadde dan peguam kanan persekutuan Nik Noor Nik Kar.

Sri Paranthaman telah menamakan Menteri Dalam Negeri, Ketua Pengarah Pendaftaran Negara Malaysia dan kerajaan Malaysia sebagai defendan dalam saman pemulanya.

Selain mengisytiharkan Sri Paranthaman sebagai warganegara Malaysia yang sah di sisi undang-undang, Mokhtaruddin juga merekodkan persetujuan kesemua defendan untuk memperbetulkan taraf penduduk plaintif dengan serta-merta daripada "bukan warganegara" kepada "warganegara" pada sijil kelahiran anak keempat beliau.

Mahkamah juga merekodkan persetujuan defendan untuk memperbetulkan nama plaintif dengan serta-merta daripada "Sri Paranthaman a/l Ayarpadde @ Paranthaman a/l Ayarpadi" kepada yang asal iaitu "Sri Paranthaman a/l Ayarpadde sahaja pada sijil kelahiran anaknya itu serta pada semua dokumen yang relevan yang perlu diperbetulkan.

--LAGI

Mahkamah-Warganegara 2 Kuala Lumpur

Mengikut saman pemula terpinda yang dikemukakan Sri Paranthaman, beliau tidak dimaklumkan mengenai sebarang prosiding perlucutan

kewarganegaraannya, dan tidak diberi peluang didengar mengenai hak-hak asasinya berhubung perkara itu mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Selain itu, Sri Paranthaman berkata, beliau juga tidak dimaklumkan mengenai alasan atau sebab mengapa kewarganegaraannya dilucutkan dan perintah yang dikeluarkan itu juga tidak diserahkan kepadanya sendiri.

Katanya, beliau hanya menyedari perkara itu selepas terkejut melihat butir-butir mengenai taraf penduduk yang dicatat sebagai "bukan warganegara" pada sijil kelahiran anaknya yang keempat ketika mendaftar kelahiran anaknya itu pada 14 Jan tahun lepas.

Sri Paranthaman membuat pertanyaan berhubung perkara itu di beberapa tempat dan akhirnya telah diarahkan ke pejabat Pendaftar Besar Warganegara di mana beliau dimaklumkan bahawa segala surat mengenai perlucutan kewarganegaraannya telah dihantar ke India.

Plaintif kemudiannya telah menghubungi saudara-maranya di India dan pada bulan Februari tahun lepas, dimaklumkan melalui pos bahawa terdapat surat mengenai perlucutan kewarganegaraan beliau yang bertarikh 14 Nov 1997.

--LAGI

Mahkamah-Warganegara 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Sehubungan itu, Sri Paranthaman berkata tindakan kesemua defendan mengeluarkan perintah berkenaan terhadap beliau adalah jelas melanggar peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Mengikut affidavit yang dikemukakan Sri Paranthaman, beliau dilahirkan di Malaysia pada 20 Julai 1968 di Klang sebagai warganegara Malaysia dan pada 24 Mei 1974, ketika berusia enam tahun, beliau telah ke India bersama-sama ibu bapanya menggunakan pasport antarabangsa Malaysia.

Affidavit itu juga menyatakan bahawa oleh kerana Sri Paranthaman telah berada di India melebihi tempoh yang dijangkakan serta tempoh pasportnya telah tamat dan luput, keluarga beliau terpaksa memohon untuk perakuan Taraf Kewarganegaraan bagi membolehkannya kembali ke tanahair pada 15 Mac 1983 iaitu ketika berusia 15 tahun.

Katanya, beliau telah memperbaharui kad pengenalan pada 20 Dis 1993 sebelum berkahwin setahun selepas itu.

Sri Paranthaman juga berkata, sebelum ini, beliau telah mendaftarkan kelahiran tiga anaknya yang lain tanpa sebarang masalah mengenai taraf penduduk mereka.

-- BERNAMA

SBB RV BK

12/08/2003 20-06ST

bah bns

PERDASAMA GESA PIHAK TERLIBAT LIPAT GANDA USAHA BENDUNG RASUAH

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia (Perdasama) harui ini menggesa Badan Pencegah Rasuah (BPR), polis dan semua agensi yang terbabit supaya melipat gandakan usaha membendung gejala rasuah.

Presiden Perdasama, Datuk Moehamad Izat Emir berkata gejala rasuah kini telah merebak sehingga membabitkan kalangan pegawai-pegawai dari peringkat paling rendah, sehinggalah ke peringkat pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Beliau berkata gejala itu juga boleh menyebabkan mereka yang layak untuk memperolehi sesuatu projek, tidak berupaya untuk bersaing dengan mereka yang memberi rasuah.

"Keadaan ini nampak semakin hari semakin buruk walaupun wujud pelbagai

bentuk agensi, akta dan perundangan bagi memeranginya," menurutnya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pandangannya itu disuarakan sebagai mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam yang melahirkan rasa bimbang dengan situasi rasuah dalam sektor awam dan mengarahkan langkah-langkah lebih berkesan dilaksanakan serta merta untuk membendung gejala itu.

"Perdasama memberi penghargaan dan sokongan kepada Timbalan Perdana Menteri di atas pendirian beliau untuk memerangi rasuah hingga ke akar umbi," katanya.

-- BERNAMA

SZM RV AZH

12/08/2003 20-10ST

bah bns

I

KL RAT RACE KUMPUL RM554,000 UNTUK TUJUAN AMAL

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Acara larian Kuala Lumpur Rat Race 2003 yang disertai pasukan tajaan syarikat tempatan hari ini berjaya mengumpulkan RM554,000 bagi tujuan amal.

Dalam acara itu, sebanyak 59 pasukan dengan 295 peserta yang mewakili 45 syarikat memulakan larian dari Bangunan Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) melalui Jalan Raja Chulan, Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur City Centre (KLCC), Jalan Ampang dan Jalan P. Ramlee sebelum kembali semula ke Bangunan BSKL.

Larian tahunan melibatkan jarak 4.5km anjuran Yayasan Bursa Saham Kuala Lumpur (Yayasan BSKL) ini dilepaskan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow.

Selain larian sejauh 4.5km itu, satu lagi acara yang dikenali sebagai Perlumbaan Ketua Eksekutif yang melibatkan jarak 1km turut diadakan bagi eksekutif tertinggi syarikat yang mengambil bahagian.

Wang yang dikumpul melalui acara itu akan disalurkan kepada pelbagai badan amal termasuk Rumah Amal Cheshire Selangor, Montfort Boys Town, Persatuan Bagi Orang Cacat Penglihatan Malaysia (MAB), Yayasan Cancerlink dan Malaysian CARE melalui Yayasan BSKL.

-- BERNAMA

MUN RV SP RON

12/08/2003 20-29ST

bah bns

POLIS MARIN RAMPAS 90 GUNI BENIH KERANG

LANGKAWI, 12 Ogos (Bernama) -- Polis Marin merampas 90 guni benih kerang dan menahan dua lelaki tempatan dalam satu pemeriksaan sebuah bot di perairan berhampiran Kuala Perlis, petang semalam.

Pegawai Pemerintah Marin Kedah/Perlis, Supt Mohd Salleh Mohd Jani berkata kedua-dua lelaki yang masing-masing berumur 20 dan 40 tahun itu ditahan kerana dipercayai ingin menyeludup kerang yang dianggarkan bernilai RM27,000 ke negara jiran.

"Kedua-dua lelaki itu ditahan mengikut Peraturan Kerang 2002 Seksyen 9 (2) Akta Perikanan kerana membawa dan memiliki kerang dengan saiz kurang 20 milimeter," katanya.

Beliau berkata kesemua guni kerang itu disembunyikan di petak hadapan dan belakang bot berkenaan.

-- BERNAMA

ZI SN BK

12/08/2003 20-30ST

bah bns

Aman-Malaysia

AMAN MALAYSIA BERHASRAT JADI SEBUAH YAYASAN

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Gabungan anggota-anggota Aman Malaysia bercadang menubuhkan sebuah yayasan bagi menguruskan dananya yang berjumlah RM2.6 juta di samping mengendalikan aktiviti dengan lebih sistematik.

Koordinator Aman Malaysia Zulkifli Alwi hari ini berkata pada masa ini, Aman Malaysia hanya sebuah gabungan longgar yang dianggotai pelbagai lapisan rakyat Malaysia.

"Gabungan longgar dan tidak berdaftar tidak dibenarkan dari segi undang-undang untuk melakukan urusan kewangan. Halangan ini boleh diatasi dengan menubuhkan yayasan di bawah Akta Syarikat 1966," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat anggota-anggota gabungan itu di sini.

Aman Malaysia disertai 1,323 pertubuhan yang mewakili lima juta anggota dan asas kebangkitan gerakan itu ialah untuk menggalakkan keamanan serta menghentikan perang di dunia.

Zulkifli berkata ekoran gerak kerja gerakan itu sejak Februari lepas, Aman Malaysia mendapat sambutan hangat daripada penduduk Malaysia.

-- LAGI

Aman-Malaysia 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Sejak Februari, Aman Malaysia diberi sambutan cukup luar biasa dari pelbagai lapisan masyarakat Malaysia memandangkan gerakan anti-perang yang pertama dilancarkan di Malaysia.

"Walaupun perang di Iraq sudah tamat, rakan-rakan NGO (pertubuhan bukan kerajaan) cadangkan Aman Malaysia harus diteruskan dengan bentuk secara formal sebab suasana keselamatan di dunia masih belum terjamin," kata Zulkifli.

Mesyuarat itu turut memutuskan penubuhan sebuah jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada wakil-wakil gabungan organisasi berkenaan bagi melaksanakan keputusan menjadikan Aman Malaysia sebuah yayasan.

Sementara itu, penyelaras Tabung Aman Malaysia Wan Khair-Il Anuar berkata dana yang dilancarkan pada bulan Februari lepas itu akan ditutup pada 31 Ogos ini.

"Bidang yang dikenal pasti untuk bantuan ialah perubatan, pendidikan dan kebajikan. Ini adalah tiga skop bantuan yang kita akan salurkan terus kepada penduduk Iraq," katanya.

Beliau berkata bagaimanapun, sehingga sekarang dana itu masih belum disalurkan kepada mangsa-mangsa perang di Iraq kerana belum mendapat kebenaran dari Kementerian Luar.

-- BERNAMA

VP RV ROS

12/08/2003 20-36ST

bah bns

TUDM-Kakak

KAKAK TERKILAN TIDAK TELEFON SEMULA MAI ELYN SEFRINA

KUALA PILAH, 12 Ogos (Bernama) -- Kakak kepada juruterbang pelatih Leftenan Muda Mai Elyn Sefrina yang terbunuh selepas pesawat yang

dipandunya terhempas di kebun getah di Sintok, Kedah tengah hari tadi, terkilang kerana tidak menghubungi semula adiknya yang menelefon beliau pada sebelah pagi sebelum kejadian.

Mai Shazimah Jalaludin, 31, berkata adiknya itu menghubungi beliau kira-kira pukul 9 pagi dan disebabkan ketika itu beliau agak sibuk, Mai Shazimah berjanji untuk menelefon adiknya itu.

Bagaimanapun belum sempat beliau berbuat demikian, Mai Shazimah dikejutkan dengan berita kematian adiknya itu, yang kedua bongsu daripada enam beradik.

"Dia ada menelefon saya pagi tadi bertanyakan tentang harga satu produk penjagaan kulit kerana dia nak buat rawatan muka. Saya kata kepadanya, saya akan telefon balik kerana saya tengah sibuk menyiapkan dokumen untuk mesyuarat esok.

"Saya terkejut apabila diberitahu oleh adik lelaki saya melalui telefon yang Mai Elny dah tak ada. Saya rasa amat terkilang kerana tidak menghubunginya semula," katanya ketika ditemui Bernama di rumah orang tuanya di Kampung Beting, dekat sini petang ini. Mai Shazimah merupakan seorang setiausaha di Stesen Jana Elektrik Jambatan Connought, Klang, Selangor

Mai Elny Sefrina, juruterbang pelatih Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) terbunuh apabila pesawat Pilatus PC7 yang dipandunya secara solo, terhempas di sebuah kebun getah dekat Kampung Lembah Keriang di Sintok, Jitra, Kedah pada pukul 12.20 tengah hari.

-- LAGI

TUDM-Kakak 2 (Akhir) Kuala Pilah

Sambil menitikkan air mata, Mai Shazimah berkata sukar baginya untuk menerima berita kematian adiknya itu kerana terasa baru sangat beliau bercakap dengan Mai Elny Sefrina.

Katanya Mai Elny Sefrina telah mengikat tali pertunangan dengan seorang juruterbang di TUDM Subang pada Hari Raya Puasa lepas dan dijangka melangsungkan perkahwinan tidak lama lagi.

Berdasarkan satu wawancara yang disiarkan dalam Utusan Malaysia pada 31 Mei lepas, Mai Elny Sefrina menyatakan azamnya untuk menjadi juruterbang wanita pertama bagi pesawat pengangkut B-733.

Beliau dilaporkan sanggup menolak tawaran memasuki institusi pengajian tinggi seperti Universiti Tenaga Nasional, Universiti Teknologi Malaysia dan Politeknik, demi mengejar cita-citanya untuk menjadi juruterbang TUDM.

-- BERNAMA

MAN MNH SN RON

12/08/2003 21-00ST

bah bns

(Bergambar)

LEBIH 100 PELAJAR SK SRI JERAI TERPAKSA BELAJAR DI KANTIN

GURUN, 12 Ogos (Bernama) -- Lebih 100 pelajar Tahun Dua Sekolah Kebangsaan Sri Jerai di sini hari ini terpaksa meneruskan sesi pembelajaran di kantin dan dewan berikutan koridor kelas dipenuhi banjir lumpur setebal dua inci.

Penolong kanan sekolah terbabit, Rajmah Ramli ketika ditemui berkata, kesemua pelajar itu dari tiga kelas di tingkat bawah bangunan tiga tingkat sekolah itu.

"Banjir lumpur itu mula memenuhi koridor dan halaman hadapan sekolah sejak petang semalam kerana hujan lebat dan dipercayai berpunca daripada aliran tanah berikutan kerja mengorek bukit untuk pembinaan perumahan

kira-kira satu kilometer dari sekolah," katanya.

Beliau berkata ini merupakan kejadian kali ketiga dan terburuk berlaku sepanjang tahun ini dan pihaknya percaya banjir lumpur itu berlaku akibat longkang di hadapan sekolah tersumbat dan kedudukan sekolah agak rendah dari kedudukan jalan raya.

Katanya, pihak sekolah telah memaklumkan perkara itu kepada Pejabat Daerah Kuala Muda dan Jabatan Kerja Raya Kuala Muda tetapi tiada sebarang tindakan diambil.

Rajmah berkata pihak sekolah terpaksa memanggil pasukan bomba sukarela di sini bagi membantu kerja-kerja pembersihan lumpur terbabit.

-- BERNAMA

MAN

12/08/2003 21-03ST

bah bns

Mahkamah-PPRT

LEMBAGA AMANAH KETENGAH SETUJU MULAKAN PROJEK DI TASIK PUTERI, KATA SAKSI

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Seorang pegawai Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) hari ini memberitahu Mahkamah Sesyen di sini bahawa sebuah syarikat swasta telah dibenarkan memulakan projek di Tasik Puteri, Terengganu sebelum mendapat kelulusan rasmi Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Kewangan.

Timbalan Pengurus Besar Operasi Ketengah Abdul Ghani Che Mat, 52, berkata keputusan itu dibuat di mesyuarat pada 15 September 1998 yang dihadiri sembilan anggota lembaga termasuk bekas Ketua Setiausaha KPLB Datuk Dr Abdul Aziz Muhamad.

"Mesyuarat ini bersetuju pada dasarnya supaya syarikat Esteen Group Sdn Bhd diberi persetujuan awal untuk melaksanakan projek ini ditapak yang telah dipersetujui sebelum kelulusan rasmi projek itu diperolehi," katanya ketika pemeriksaan utama oleh Timbalan Pendakwa Raya Dzulkifli Ahmad.

Abdul Ghani yang merupakan saksi kelima pendakwa juga berkata segala tanggungan berkaitan pelaksanaan awal projek itu adalah di bawah tanggungan syarikat Esteen Group.

Dia berkata demikian pada perbicaraan terhadap Abdul Aziz, 59, yang menghadapi tuduhan menipu Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed (pada masa itu) supaya mempercayai bahawa cadangan pelaburan Ketengah dalam projek tanaman orkid, ternakan ikan dan kemudahan rekreasi di Tasik Puteri Bukit Besi, Dungun, Terengganu adalah berdaya maju.

-- LAGI

Mahkamah-PPRT 2 Kuala Lumpur

Dia dituduh dengan curang telah mendorong menteri berkenaan memberikan persetujuan kepada permohonan itu dan didakwa melakukannya di Kementerian Kewangan, Jalan Duta, di sini antara 24 Jun dan 9 Ogos 1999.

Beliau turut didakwa bersubahat dengan Pengurus Besar Ketengah, Datuk Alwi Said, 55, melakukan pecah amanah dana Ketengah berjumlah RM2 juta.

Abdul Aziz, yang kini ahli perniagaan, didakwa bersubahat bersama seorang jutawan, Ooi Kee Siang (masih bebas) di Kompleks Kewangan, Jalan Raja Chulan di sini antara 27 April dan 31 Julai 1999.

Abdul Ghani berkata taklimat mengenai projek itu disampaikan Abdul Aziz dan anggota lembaga mesyuarat turut bersetuju mengadakan perundingan dengan segera untuk pelaksanaan projek tersebut dan mengenalpasti rakan kongsi.

"Bagi projek ini rakan kongsi yang dikenalpasti ialah Ketengah (30 peratus), Permodalan Terengganu Berhad (30 peratus), Esteen Group (15

peratus), Nishikigoi (15 peratus) dan Tabung Amanah Rakyat Termiskin (10 peratus)," katanya.

--LAGI

Mahkamah-PPRT 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Bagaimanapun Abdul Ghani berkata pada mesyuarat bertarikh 22 Disember 1998 anggota lembaga mesyuarat Ketengah telah memaklumkan bahawa Syarikat Tasik Puteri Integrated Farm Sdn Bhd telah dicadangkan untuk ditubuhkan bagi membangun dan mengusahakan tanah seluas 387 hektar di sekitar Tasik Puteri.

Katanya, kertas cadangan itu dibentangkan Pengarah Pembangunan Tasik Kenyir dan Pelancongan Wan Abdul Rahman Ngah dan pada mesyuarat kali ke-7 itu wakil daripada Syarikat Esteen Group Ooi Kee Siang turut hadir.

"Syarikat yang dicadangkan itu (Syarikat Tasik Puteri Integrated Farm Sdn Bhd) akan mempunyai modal berjumlah 50 juta saham yang bernilai RM1 setiap satu," katanya.

Abdul Ghani berkata pada mesyuarat itu juga anggota lembaga mesyuarat sekali lagi memaklumkan untuk membenarkan syarikat yang dicadangkan (Syarikat Tasik Puteri Integrated Sdn Bhd) memasuki dan meneruskan projek sementara menunggu keputusan daripada KPLB dan Kementerian Kewangan.

Perbicaraan di hadapan hakim Mohd Zaki Abdul Wahab bersambung esok.

-- BERNAMA

ZMN RV BK

12/08/2003 21-04ST

aab bns

Lanun-Kapal (Bergambar)

KAPAL MALAYSIA DITEMBAK DAN DIROMPAK LANUN DI PERAIRAN INDONESIA

PULAU PINANG, 12 Ogos (Bernama) -- Sebuah kapal milik Malaysia, M.T. Penrider yang membawa muatan 1,000 tan metrik minyak yang dalam perjalanan dari Singapura ke Pulau Pinang, ditembak dan dirompak oleh sekumpulan lanun di perairan Indonesia pada Ahad lepas (10 Ogos).

Ketua Polis Marin Wilayah Utara ACP Sueb Abdullah berkata kejadian itu berlaku kira-kira pukul 1.30 tengah hari di kedudukan 14 batu nautika barat daya dari One Fathom Bank dalam perairan Indonesia dan lanun terbabit berjaya merampas wang tunai RM10,000, telefon bimbit, dokumen-dokumen kapal dan pakaian anak-anak kapal.

"Sekumpulan lima atau enam lelaki itu yang berpakaian tentera menaiki sebuah bot telah melepaskan beberapa das tembakan ke arah kapal M.T. Penrider yang mempunyai 10 anak kapal itu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata bot itu kemudiannya merapati kapal M.T. Penrider dan empat daripada lelaki terbabit melompat ke atas kapal, manakala dua lagi mengikat bot mereka di kapal itu.

Katanya kesemua lanun terbabit dipercayai menggunakan senjata AK47 dan M16 dalam kejadian itu.

-- LAGI

SA ROS

12/08/2003 21-04ST

aab bns

Lanun-Kapal 2 Pulau Pinang

KAPAL MALAYSIA DITEMBAK - 2

Sueb berkata kejadian itu dimaklumkan kepada Pusat Mencari dan

Menyelamat Maritim (MRCC) Kelang dan kira-kira pukul 6.20 petang hari yang sama bot ronda Polis Marin telah diarah ke tempat kejadian.

Bagaimanapun, katanya, kira-kira pukul 10 malam hari yang sama, Gerakan Marin Utara telah dihubungi oleh ejen kapal berkenaan di Pulau Pinang memaklumkan bahawa kapal itu telah dikesan pada kedudukan latitud 03 13.2' (utara) dan longitude 100 28.0' (timur).

"Kapal itu dikesan berada pada kedudukan 12 batu nautika dari sempadan antarabangsa iaitu di perairan Indonesia pada kira-kira pukul 9 malam hari berkenaan," katanya.

Beliau berkata ejen kapal itu memaklumkan kepada Gerakan Marin Utara bahawa kapal itu dibawa masuk ke perairan Indonesia dan selepas lanun terbabit berbincang dengan pemilik kapal yang berada di Pulau Pinang, kapal itu dibenarkan meneruskan perjalanan ke Pulau Pinang.

Bagaimanapun, katanya, tiga anak kapal yang terdiri daripada kapten kapal, jurutera dan pembantu jurutera, ketiga-tiganya warganegara Indonesia telah ditahan untuk dijadikan tebusan.

-- LAGI
SA ROS

12/08/2003 21-06ST

aab bns

Lanun-Kapal 3 (Akhir) Pulau Pinang
KAPAL MALAYSIA DITEMBAK - 3

Sueb berkata tujuh lagi anak kapal, iaitu lima warganegara Indonesia dan dua warganegara Myanmar dibebaskan dan membawa kapal M.T. Penrider balik ke Pulau Pinang.

Katanya kapal itu tiba di perairan Pulau Pinang kira-kira pukul 4.30 petang semalam dan pemiliknya sudah membuat laporan di Balai Polis Lebu Pantai di sini petang semalam.

Beliau berkata pihak Polis Marin masih menjalankan siasatan berhubung kejadian itu dengan meminta kerjasama daripada Polis Marin Indonesia supaya melaporkan mengenai maklumat yang mereka perolehi.

Tinjauan mendapati kapal yang berdaftar di Labuan itu yang kini berlabuh di perairan berhampiran Pantai Bersih di sini mempunyai kesan-kesan tembakan termasuk cermin bahagian hadapannya pecah akibat terkena tembakan itu.

-- BERNAMA
SA ROS

12/08/2003 21-08ST

aab bns

(Bergambar)
SAREX: LATIHAN BERASASKAN KEJADIAN PESAWAT TERHEMPAS

LANGKAWI, 12 Ogos (Bernama) -- Kira-kira 400 kakitangan dari 26 agensi kerajaan dan swasta hari ini mengambil bahagian dalam latihan Mencari dan Menyelamat (Sarex) sebagai persiapan kepada Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (Lima `03) yang akan berlangsung antara 30 Sept hingga 5 Okt ini.

Antara yang mengambil bahagian dalam latihan seetengah hari yang bermula pada kira-kira pukul 9.30 pagi itu adalah pasukan Tentera Udara Diraja Malaysia, polis, Jabatan Penerbangan Awam serta Jabatan Bomba dan Penyelamat.

Pengarah Sarex `03, Harizan Mohd Yatim berkata latihan itu diadakan bagi menguji kecekapan dan ketahanan setiap agensi mencari dan menyelamat, serta bantuan bencana, selain menguji keberkesanan langkah dan prosedur

keselamatan semasa Lima `03.

"Kita akan mengenal pasti kelemahan semasa latihan, untuk dibaiki pada sesi ulangkaji yang akan diadakan esok," katanya.

Dalam latihan pagi ini, kononnya sebuah pesawat B737-400 yang membawa 55 penumpang terhempas di perairan Langkawi berhampiran Jeti Tanjung Lembung dekat Kuah.

Kejadian yang membabitkan pesawat yang dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Langkawi dalam hujan itu menyebabkan seorang penumpang terkorban, manakala 54 lagi cedera, termasuk 33 orang cedera parah.

Dalam latihan itu, kerja-kerja mencari dan menyelamatkan dijalankan dengan bantuan dua helikopter masing-masing satu dari Tentera Udara Diraja Malaysia dan bomba, empat bot Jabatan Laut, tiga bot polis Marin, ambulan, jentera bomba dan polis.

-- BERNAMA

ZI SN AZH

12/08/2003 21-29ST

aab bns

DR MAHATHIR AKAN HADIRI PERHIMPUNAN ANAK MELAYU

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan menghadiri Perhimpunan Anak Melayu Merdeka anjuran Sekretariat Melayu Muda pada 23 Ogos ini.

Pengerusi sekretariat itu, Wan Azrain Wan Adnan dalam satu kenyataan akhbar di sini hari ini barkata perhimpunan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra itu bertujuan untuk menyemarakkan semangat patriotisma di kalangan generasi muda, khususnya golongan professional.

"Perdana Menteri kemungkinan besar akan menyampaikan pesanan kepada generasi Melayu muda berkenaan peranan mereka dalam mengisi kemerdekaan dan membina negara yang maju dan makmur," katanya.

Lebih 1,000 orang jemputan dari kalangan generasi muda serta para pelajar dari institut pengajian tinggi dan pelajar sekolah menengah dijangka akan hadir pada majlis itu.

Sekretariat tersebut adalah satu badan informal yang diterajui oleh sekumpulan professional Melayu muda dengan matlamat untuk meningkatkan kesedaran politik di kalangan generasi muda disamping berusaha meningkatkan interaksi antara mereka dengan pemimpin negara.

-- BERNAMA

VP RV AZH

12/08/2003 21-53ST

bah bns

MOM-Kompleks/I

JANGAN JADIKAN KOMPLEKS SUKAN NEGARA SEBAGAI PREMIS KOMERSIAL

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Majlis Olimpik Malaysia (MOM) akan menubuhkan sebuah jawatankuasa pemandu bagi mencari jalan memenuhi ketiadaan aktiviti sukan di Kompleks Sukan Nasional (NSC), Bukit Jalil di sini.

Presidennya Tunku Tan Sri Imran Tuanku Jaafar berkata jawatankuasa pemandu itu yang terdiri daripada Lembaga NSC serta wakil-wakil dari Kementerian Belia dan Sukan akan cuba mencari jalan bagi mengelakkan kompleks itu daripada menjadi premis komersial.

"Kompleks itu dibina untuk acara sukan tetapi pada kebanyakan masa, aktiviti komersial yang lain seperti konsert dan acara berbentuk karnival diadakan di situ," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan

mesyuarat Lembaga MOM di sini hari ini.

Tunku Imran berkata tidak salah bagi lembaga stadium itu untuk mendapatkan pendapatan dari aktiviti sedemikian (konsert dan karnival) tetapi ia tidak seharusnya mengambil alih objektif penubuhan kompleks sukan berkenaan.

"Kami tidak mahu NSC menjadi sebuah projek gajah putih," katanya.

-- LAGI

ZAS RV ROS

12/08/2003 21-54ST

bah bns

MOM-Kompleks 2 (Akhir) Kuala Lumpur

JANGAN JADIKAN KOMPLEKS - 2

Beliau berkata lembaga stadium juga perlu mengkomersialkan bayaran sewanya bagi menarik lebih banyak persatuan sukan menggunakan kemudahan di situ.

"Tetapi persatuan-persatuan sukan juga perlu menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan di NSC.

"Hakikatnya, terdapat peruntukan di bawah Kementerian Belia dan Sukan bagi persatuan menggunakan dana itu dalam memberikan subsidi bayaran utiliti, contohnya tenaga elektrik," katanya.

Dana RM3 juta di bawah kementerian itu ditubuhkan awal tahun ini bagi memberikan subsidi kepada bayaran utiliti di NSC tetapi banyak persatuan sukan di negara ini tidak menyedarinya.

-- BERNAMA

ZAS RV ROS

12/08/2003 22-01ST

aab bns

Sukan-Antartika

TIGA ANAK MALAYSIA BAKAL RENTASI BENUA ANTARTIKA

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Tiga anak Malaysia bakal melakar satu lagi sejarah negara dengan menjelajah Benua Antartika pada 15 Okt depan.

Dekan Fakulti Farmasi Universiti Sains Malaysia, Dr Kamaruddin Md Isa selaku ketua ekspedisi tersebut berkata beliau akan disertai Suhardi Alias dan Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir dalam misi tersebut.

Suhardi merupakan pakar pemakanan dan berkhidmat dengan Majlis Sukan Negara sementara Sharifah adalah pensyarah di Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi Universiti Teknologi Mara (UiTM).

"Kami akan menjelajah sejauh 3800 kilometer dalam tempoh 120 hari bergantung kepada keadaan cuaca...tetapi jika cuaca elok mungkin ekspedisi ini boleh disempurnakan dalam masa kurang daripada 120 hari," katanya selepas majlis pelancaran logo ekspedisi berkenaan di sini hari ini.

Kamaruddin berkata ekspedisi ini bertujuan untuk merealisasikan impian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mencabar rakyat Malaysia merentasi benua Antartika selain mendokong semangat Malaysia Boleh.

-- LAGI

Sukan-Antartika 2 Kuala Lumpur

"Perdana Menteri kita telah membuat cabaran ini dalam sidang akhbar bagi meraikan kejayaan Abdul Malik Mydin yang berjaya berenang dari Kuala Perlis ke Langkawi pada 25 Mei lalu dan dari situ tercetus semangat untuk

menyahut cabaran berkenaan," katanya.

Jika segala persiapan berjalan lancar, tiga individu tersebut akan memulakan ekspedisi mereka dari Stesen Blue One milik Rusia dan akan mengakhirinya di Scott Base (stesen penyelidikan milik New Zealand).

Menurut Kamaruddin, selain berjalan kaki, kaedah-kaedah lain yang bakal digunakan sepanjang ekspedisi tersebut termasuk "wind sailing" dan ski ais.

Begitupun katanya, ia bergantung kepada kesesuaian laluan yang bakal dilalui dan juga faktor cuaca.

Ekspedisi tersebut akan dijalankan dalam lima peringkat -- peringkat pertama meliputi perjalanan dari Stesen Blue One menuju ke stesen Troll milik Norway yang jaraknya lebih kurang 100 kilometer.

-- LAGI

Sukan-Antartika 3 Kuala Lumpur

"Hampir keseluruhan perjalanan peringkat pertama ini adalah dengan berjalan kaki dan dijangka memakan masa selama 10 hari," jelas Kamaruddin.

Peringkat kedua pula akan melalui Dronning Maud Land ke kutub selatan yang akan melintasi banjaran Polar dan jarak perjalanan laluan peringkat kedua ini sejauh 1600 kilometer dan bakal memakan masa 40 hari.

Menurut Kamaruddin, sebaik tiba di kutub selatan mereka akan mendapat bekalan makanan baru bagi meneruskan separuh kedua perjalanan tersebut.

Peringkat ketiga sejauh 1200 kilometer dan dijangka memakan masa 30 hari akan bermula di kutub selatan dan akan berakhir di Gunung Queen Maud di banjaran Transantartic sementara peringkat keempat yang akan memakan masa 10 hari akan berakhir di Ross Ice Shelf, yang jaraknya adalah 100 kilometer.

Peringkat terakhir yang lebih banyak menggunakan ski atau "wind sailing" merupakan laluan paling merbahaya kerana perjalanan tersebut akan melalui pinggir banjaran Transantartic sebelum sampai ke laluan penamat iaitu di Stesen Scott Base. Ia meliputi jarak sejauh 800 kilometer dan akan memakan masa selama 30 hari.

-- LAGI

Sukan-Antartika 4 Kuala Lumpur

Menurut Kamaruddin yang pernah menyertai penerjunan di Kutub Utara pada tahun 1998: "sebagai persediaan menghadapi segala cabaran sepanjang ekspedisi itu kelak, kami telah menjalani latihan sejak dua tahun lalu dan tumpuan lebih diberikan kepada kekuatan mental, fizikal dan juga kecergasan".

Katanya, mereka kini telah bersedia dari segi mental dan fizikal selain menambah pengetahuan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan di benua tersebut.

Benua Antartika yang terletak paling ke selatan, lebih sejuk daripada kutub utara dan suhu paling rendah pernah dicatat di Station Vostok kepunyaan Rusia iaitu -89.2 celsius (-128.6F) pada Julai 1983.

Ia juga merupakan benua kelima terbesar di dunia dengan keluasan 14,200,000 kilometer persegi.

Benua yang terbahagi kepada dua iaitu timur dan barat Antartika oleh garisan longitud 180 darjah ini tidak berpenghuni tetapi terdapat para penyelidik di lebih 40 stesen tetap yang terdapat di situ.

-- LAGI

Sukan-Antartika 5 (akhir) Kuala Lumpur

Tiga anak Malaysia ini mempunyai matlamat untuk membuktikan kepada

dunia bahawa orang dari negara panas seperti Malaysia mampu menjelajah tempat paling sejuk di dunia dan seterusnya mengibarkan Jalur Gemilang di Kutub Selatan.

Peluang ini juga akan diambil untuk mengumpul data-data saintifik dan maklumat untuk kajian dan untuk ekspedisi-ekspedisi akan datang.

Kamaruddin berkata kejayaan mereka menjelajah benua Antartika itu akan didedikasikan sebagai penghormatan kepada Dr Mahathir sempena persaraan beliau.

-- BERNAMA
AHA SAK RV MOZ

12/08/2003 22-08ST

aab bns

Mahathir-gempa bumi/I

DR MAHATHIR DAN ISTERI LAWAT TAPAK GEMPA BUMI DI BOUMERDES

Daripada Mokhtar Hussain

ALGIERS, 12 Ogos (Bernama) - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sedang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Algeria pagi ini melawat tapak kejadian gempa bumi pada 21 Mei lepas yang mengorbankan lebih 2,000 orang dan menjadikan lebih 33,000 penduduk hilang tempat tinggal di wilayah utara Algeria.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dibawa melawat sekitar Boumerdes, kira-kira 50 km ke timur Algiers untuk menyaksikan tapak kejadian malapetaka itu.

Setibanya di bandaraya Boumerdes, tempat yang paling teruk dilanda gempa bumi, mereka diberi taklimat oleh pegawai kanan Algeria berhubung kemusnahan bangunan dan kemudahan awam di kawasan itu serta usaha pihak berkuasa untuk membantu mangsa.

Kerajaan Algeria dilaporkan telah memperuntukkan kira-kira USD1.8 billion untuk membina rumah-rumah baru di sekitar lima kawasan yang teruk dilanda kejadian gempa bumi itu.

Gempa bumi itu dilaporkan melanda semasa kebanyakan penduduk sedang menonton perlawanan akhir bola sepak Eropah menerusi televisyen apabila dinding dan siling rumah mereka mulai bergegar dan jatuh.

-- LAGI

Mahathir-Algiers 2 (akhir) Algiers

Selepas menghabiskan kira-kira sejam memerhatikan kerosakan struktur dan khemah-khemah sementara untuk mangsa, Dr Mahathir bergegas balik ke ibukota negara itu untuk menerima kunjungan hormat Presiden Majlis Negara, Abdelkader Bensalah sebelum menghadiri majlis makan tengah hari tertutup dengan Presiden Abdelaziz Bouteflika.

Perdana Menteri turut mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatnya dari Algeria, Ahmed Ouyahia sebelum menghadiri Dialog Perniagaan Malaysia-Syria di sebuah hotel peranginan terkenal di sini.

Dr Mahathir akan bertolak ke Swaziland pada kira-kira pukul 7.45 malam waktu tempatan (2.45 pagi waktu Malaysia) hari ini.

-- BERNAMA
MOK RV AZH

12/08/2003 22-43ST

bah bns

Mahathir-OIC/I

SIDANG OIC TURUT MENGETEMUKAN SEKTOR PERNIAGAAN DUNIA ISLAM

Daripada Mokhtar Hussain

ALGIERS, 12 Ogos (Bernama) -- Malaysia sebagai tuan rumah sesi ke 10

sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober ini di Putrajaya, berharap acara itu juga akan menjadi pentas untuk mengetemukan perniagaan-perniagaan dari dunia Islam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beberapa acara iringan akan dianjurkan semasa sidang kemuncak itu yang termasuk EKSP0 OIC 2003 dari 14-19 Okt dan Forum Perniagaan OIC selama dua hari bermula 15 Okt.

"Melalui penyertaan dalam acara-acara ini, diharapkan ahli-ahli perniagaan daripada negara-negara OIC, termasuk Algeria, bukan sahaja akan bertukar pandangan dan pengalaman tetapi juga akan dapat merealisasikan urusan-usniaga sebenar perniagaan," katanya di Dialog Perniagaan Malaysia-Algeria pada hari terakhir lawatan rasmi tiga hari ke sini.

Perdana Menteri yang tiba pada petang Ahad mengetuai delegasi 127 orang yang terdiri daripada Menteri-menteri Kanan, Menteri Besar dan ahli perniagaan dalam usaha menjalin satu perkongsian yang utuh bersama negara-negara di utara benua Afrika.

Dr Mahathir berkata, sidang kemuncak itu dan acara-acara berkaitan perniagaan akan menjadinya platform untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara anggota OIC.

-- LAGI

Mahathir-OIC 2 Algiers

Beliau berkata Malaysia juga sangat berminat untuk menunjukkan kehadiran yang lebih ketara di negara utara benua Afrika itu dan menambah kata sektor perniagaan Malaysia digalakkan mengambil kesempatan daripada potensi perdagangan di kalangan negara-negara Selatan yang belum diteroka sepenuhnya.

"Ahli perniagaan daripada kedua-dua negara juga boleh berusaha bersama-sama untuk menembusi pasaran Kesatuan Eropah dan pasaran Afrika yang lain. Algeria boleh jadi gerbang penting bagi perdagangan bersama Kesatuan Eropah dan negara-negara lain di benua Afrika.

"Semasa syarikat Algeria meningkatkan hubungan perdagangan mereka yang lama terjalin bersama negara-negara Kesatuan Eropah seperti Itali, Sepanyol dan Perancis, mereka boleh berusaha bersama syarikat-syarikat Malaysia dalam mendapatkan produk-produk berkualiti yang kompetitif atau memasuki usahasama dalam perkilangan untuk menampung pasaran Kesatuan Eropah dan yang lain," kata Dr Mahathir.

Di sebaliknya, beliau menambah kata Malaysia juga boleh menjadi pintu gerbang bagi syarikat-syarikat Algeria menembusi pasaran Asean dan Asia Timur.

Ahli perniagaan Algeria dan pelabur boleh menggunakan Malaysia sebagai batu loncatan untuk mengambil kesempatan daripada Kawasan Perdagangan Bebas Asean, satu pasaran serantau dengan penduduk lebih setengah bilion dan KDNK yang disatukan berjumlah US\$750 bilion," katanya.

-- LAGI

Mahathir-OIC 3 (Akhir) Algiers

Mengenai Pendidikan, Perdana Menteri menjelaskan bahawa kos melanjutkan pengajian tinggi di Malaysia jauh lebih kecil berbanding dengan Eropah dan Amerika tetapi standard pendidikan hampir setanding.

Malangnya pada tahun lepas, terdapat hanya lebih kurang 44 warga Algeria daripada sejumlah 36,452 penuntut asing yang melanjutkan pengajian di Malaysia.

Sebelum itu pada pagi ini, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dibawa melawat kawasan sekitar Boumerdes di timur Algiers

yang dilanda gempa bumi pada Mei lepas.

Mereka menghabiskan masa sejam memerhatikan apa yang tinggal dan usaha-usaha yang diambil bagi membantu mangsa.

Gempa bumi berukuran 6.7 pada skala Richter itu merupakan yang terbesar untuk melanda Algeria sejak 1980. Walaupun hanya berlaku beberapa saat ia menyebabkan sekurang-kurangnya 2,000 orang terbunuh, 8,626 lagi cedera dan beribu-ribu lagi kehilangan tempat tinggal.

-- BERNAMA
MOK AHH PR

12/08/2003 23-32ST

aab bns

TUDM-Terhempas (Tunang)

ALLAHYARHAMAH MAI ELYN PERNAH PESAN TUNANG SUPAYA TIDAK TINGGAL SEMBAHYANG

ALOR STAR, 12 Ogos (Bernama) -- Juruterbang pelatih wanita Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) yang terbunuh selepas pesawat yang dipandunya terhempas di sebuah kebun getah dekat Jitra hari ini pernah berpesan kepada tunangnya supaya tidak meninggalkan sembahyang lima waktu.

Lt Affendee Atan, 25, berkata tunangnya, Allahyarhamah Lt Mai Elyn Sefrina Jalaludin pernah menyampaikan pesanan itu ketika mereka berdua berjumpa dua minggu lepas di sini.

Beliau yang ditemui di bilik mayat Hospital Alor Star malam ini berkata tunangnya itu juga ada menunjukkan sedikit kelainan apabila dia memandu sendiri kenderaan semasa menghantarnya ke terminal bas Shahab Perdana di sini.

"Elyn tidak pernah memandu kenderaan ketika kami bersama-sama. Tetapi, dia (Mai Elyn Sefrina) minta untuk memandu kenderaan daripada mes pegawai TUDM di Kepala Batas ketika mahu menghantar saya pulang ke Subang hari itu," katanya.

Affendee yang bertugas di TUDM Subang berkata mereka saling mengenali antara satu sama lain pada tahun 2000 sebelum bertunang pada Hari Raya Puasa tahun lepas dan bercadang untuk melangsungkan perkahwinan pada hujung tahun depan.

-- LAGI

TUDM-Terhempas (Tunang) 2 (Akhir) Alor Star

Sementara itu, bapa Allahyarhamah, Jalaludin Udin, 70, meredai pemergian anaknya itu dan mengucapkan terima kasih kepada TUDM kerana memberi kerjasama menguruskan jenazah anaknya.

"Saya terima berita pada pukul 4.15 petang apabila diberitahu oleh pegawai TUDM yang datang ke rumah," katanya dalam nada sebak.

Kali terakhir beliau bertemu dengan anaknya itu adalah pada bulan Mei lepas semasa beliau datang bersama-sama dengan anggota keluarganya yang lain ke sini untuk menziarahinya.

Abang Elyn, Meor Norizam, 27, berkata beliau bertemu dengan adiknya itu kira-kira dua minggu lepas, ketika Allahyarhamah bertandang ke rumahnya di Klang, Selangor.

"Adik saya tinggal di situ selama tiga hari, tetapi tidak menunjukkan sebarang perubahan," katanya.

Beliau menyifatkan adiknya itu seorang yang pemalu dan sangat rapat dengan anggota keluarga.

Jenazah Elyn dijangka akan dibawa pulang malam ini dengan pesawat TUDM dan akan dikebumikan di kampungnya di Kampung Beting, Kuala Pilah pada pukul 10 pagi esok.

-- BERNAMA
MNH MAN AZH

aab bns

Tonto-Serang

LAPAN PENGUATKUASA MPPJ CEDERA, TERMASUK DUA PARAH DISERANG

PETALING JAYA, 12 Ogos (Bernama) -- Lapan pegawai penguatkuasa Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) cedera, termasuk dua parah selepas diserang oleh sekumpulan lelaki dalam dua kejadian di sini malam ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo berkata serangan itu menyebabkan lapan anggota penguatkuasa majlis berkenaan terpaksa dihantar ke Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) untuk menerima rawatan.

"Dua dimasukkan ke ICU (Unit Rawatan Rapi), manakala empat lagi dimasukkan ke wad untuk rawatan lanjut, dan dua lagi sudah menerima rawatan sebagai pesakit luar hospital itu," katanya kepada pemberita selepas melawat mereka yang cedera di PPUM malam ini.

Beliau berkata dalam insiden pertama, enam pegawai yang menaiki sebuah van telah ditahan oleh lebih daripada tiga buah kereta, dipercayai milik tonto di Seksyen SS8/2 pada kira-kira pukul 9.30 malam dan mereka terus diserang kumpulan terbabit yang bersenjata kayu dan besi.

Beliau berkata terdahulu, enam pegawai itu telah merampas beberapa barangan dari sebuah pusat snooker di Seksyen 1/12 di sini.

-- LAGI

Tonto-Serang 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Khir berkata dalam kejadian itu, lapan lelaki, yang disyaki tonto telah berjaya ditangkap.

Sementara itu, menurut Khir, dalam kejadian kedua di SS2 PJ pada masa yang hampir sama, dua pegawai penguatkuasa MPPJ cedera teruk dipukul oleh sekumpulan lelaki bersenjata kayu dan besi ketika mereka mengadakan operasi membanteras VCD haram di kawasan berkenaan.

Kedua-dua mereka mengalami kecederaan yang serius sehingga terpaksa dimasukkan ke wad kecemasan.

Polis menahan dua lelaki yang disyaki terbabit dalam serangan kedua itu selepas kedua-dua lelaki terbabit datang membuat aduan di Balai Polis Sea Park, mendakwa dua penguatkuasa MPPJ itu hendak merampas barang mereka.

Dr Khir berkata kesemua penguatkuasa itu berumur antara 20 dan 35 tahun dan berpakaian seragam penguatkuasa ketika kejadian berlaku.

Beliau berkata serangan ini tidak akan melemahkan pihak kerajaan negeri untuk menguatkuasakan keadilan, dan sebaliknya beliau mengarahkan pihak berkuasa tempatan supaya bergabung tenaga dalam melaksanakan tugas mereka.

Mengenai insiden tersebut, Dr Khir berkata, beliau menyerahkan kes itu kepada pihak polis untuk tindakan lanjut.

-- BERNAMA

MRA VP RV AZH